



Metro 10/6/2011 6.

**BEDAH...**Nurul Dahyatul Fazlinda menjalani pembedahan di HSNZ, semalam.

**Gadis disimbah asid**

# Nurul jalani bedah wajah

**K**UALA TERENGGANU: Selepas sekian lama menanti, mangsa simbahan asid, Nurul Dahyatul Fazlinda Mat Haizan, 9, selamat menjalani pembedahan wajah di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), semalam.

Kejayaan pembedahan itu disambut dengan lindungan air mata ibunya, Che Ku Huzaimah Che Ku Awang, 29, yang ditemui di pekarangan hospital kira-kira sejam selepas anaknya dibawa keluar dari bilik pembedahan pada jam 6 petang.

Nurul Dahyatul Fazlinda Mat Haizan, 9, selamat menjalani pembedahan membuang parut dan menampal kulit muka diketuai Pakar Perunding Pembedahan Plastik, Dr Najihah Syarida Zakaria dengan dibantu beberapa pembantu perubatan hospital berkenaan.

Che Ku Huzaimah berkata, anaknya dimasukkan ke bilik pembedahan kira-kira jam 12.30 tengah hari dan dibawa keluar pada jam 6 petang.

"Tiada apa yang dapat saya katakan kecuali mengucapkan kesyukuran dan terima kasih kepada semua pihak yang memban-

tu sejak penderitaan kami disiarkan.

"Alhamdulillah, semuanya selamat namun buat masa sekarang Lin (nama panggilan Nurul) dalam keadaan separuh sedar kesan ubat bius," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, sejak keluar dari bilik bedah semalam, anaknya memberitahu dia berasa sakit dan sesekali merengek.

"Memang sedih melihat keadaannya tetapi dalam masa sama saya gembira kerana semuanya selamat dan berharap semuanya berjalan lancar," katanya.

Harian Metro 16 Ogos lalu melaporkan mangsa cedera teruk pada wajah dan bahagian badan terkena simbahan asid oleh bapa sendiri di rumah mereka di Kampung Sekayu, Hulu Terengganu.

Turut mengalami kecederaan dalam insiden jam 1.45 pagi itu ialah Che Ku Huzaimah, Muhammad Irfan Firdaus, 3, serta neneknya, Minah Omar, 57.

Difahamkan, pembedahan kanak-kanak itu membabitkan pengambilan kulit paha kanan mangsa yang ditampal pada parut di kiri mukanya.